

02 AUG 1999

DR MAHATHIR TERIMA DERMA UNTUK TABUNG KOSOVO

IPOH, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima derma untuk tabung Barisan Bertindak Kosovo berjumlah RM67,509.89 daripada pegawai dan kakitangan pentadbiran serta dermawan negeri Perak.

Replika cek itu disampaikan oleh Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib ketika jamuan tengah hari yang diadakan untuk meraikan Perdana Menteri yang tiba pagi ini untuk lawatan rasmi dua hari ke Perak.

Terdahulu, dalam ucapannya Ramli berkata rakyat Perak memberi sokongan penuh kepada Dr Mahathir untuk terus menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

"Kita yakin Malaysia akan bertambah maju dalam alaf baru dengan polisi yang dijalankan kerajaan di bawah tunjang Barisan Nasional," katanya.

Ramli mengingatkan pemimpin kaum supaya tidak mengendahkan sebarang khabar angin yang boleh menggugat keamanan yang dikecapi rakyat sejak dahulu.

-- BERNAMA

HJ MAI